

MAHATHIR - BBB 'A' 'B' 'C'

1982

KUALA LUMPUR, 21 SEPT. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD AKAN MEMBUAT UCAPAN SULUNGNYA DI PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU AKHIR BULAN INI DAN DIJANGKA MENEKANKAN PERLUNYA MENINGKATKAN KERJASAMA DUA HALA ANTARA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

MENYATAKAN DEMIKIAN HARI INI, MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE BERKATA PERDANA MENTERI DIJANGKA MENGGARISKAN RANCANGAN MALAYSIA MEMUPUKKAN HUBUNGAN YANG LEBIH RAPAT DENGAN NEGARA-NEGARA SEHELI DI AFRIKA DAN NEGARA-NEGARA PASIFIK SELATAN.

BELIAU JUGA AKAN MENEKANKAN NEGARA-NEGARA YANG MAJU SEDIKIT SEPERTI MALAYSIA DOLEH MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI PENDERMA KEPADA YANG AGAK KURANG MAJU, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIJANGKA BERUCAP DI PERHIMPUNAN ITU PADA 29 SEPTEMBER AKAN JUGA MENGARISKAN BERBAGAI -BAGAI PERKARA TERMASUK MASALAH KAMPUCHEA, ASIA BARAT, KRISIS LEBANON, DAN ISU EKONOMI TERUTAMA MASALAH KOMODITI. - LAGI 2037/BW

MAHATHIR-BBB 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI ISU KAMPUCHEA, TAN SRI GHAZALI BERKATA MALAYSIA GEMBIRA DENGAN SOKONGAN UNTUK KERAJAAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA YANG DI-KETUAI OLEH SIHANOUK.

BELIAU TIDAK NAMPAK SEBARANG MASALAH BAGI KERUSI KERAJAAN CAMPURAN ITU DI PERHIMPUNAN BADAN DUNIA TERSEBUT SEKARANG DAN PUTERA SIHANOUK ENDIRI AKAN BERUCAP SEMENTARA PERDANA MENTERI SON SANN AKAN MENGETUAI ROMBONGAN KERAJAAN ITU.

BELIAU JUGA MENJANGKA BAHAWA MASALAH KERUSI BAGI KAMPUCHEA DALAM PERGERAKAN NEGERA-NEGARA SEKARANG MENYOKONG KERAJAAN YANG DIKETUAI OLEH SIHANOUK KERANA INI ADALAH SEJAJAR DENGAN PENGISTIHARAAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI KAMPUCHEA YANG DITANJA OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU.

+ INDIA (YANG AKAN MENJADI TUANRUMAH BAGI SIDANG KEMUNCAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI AKAN DATANG) AGAK BERKESEORANGAN MENGIKTIRAFI KERAJAAN HENG SAMRIN+, KATANYA. --LAGI 2110/OM

MAHATHIR-BBB 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEADAAN DI ASIA BARAT, TAN SRI GHAZALI BERKATA MALAYSIA MERASA PERLU BAGI MASYARAKAT DUNIA MENIMBANG SEMULA KEADAAN DI ASIA BARAT BERDASARKAN KEPADA ANGGAPAN BARU BAHAWA PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO) TELAH MENUNJUKKAN TANGGUNGJAWAB YANG LEBIH DALAM MENGENDALIKAN MASALAH LUBNAN.

KATANYA PLO, WALAUPUN BERADA DALAM SATU KEADAAN YANG SUKAR, TELAH MENUNJUKKAN SIKAP YANG BERTANGGUNGJAWAB DENGAN MENGUNDURKAN DIRI DARI LUBNAN TETAPI PIHAK YANG MENANG-ISRAEL DAN PUKA KRISTIAN PHALANGIST--TELAH MENGAMBIL TINDAKAN YANG TIDAK BERPERIKEMAJUSIAN SEPERTI MELAKUKAN PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI DI KEM PELARIAN PALESTIN DI BEIRUT BARAT.

+MEREKA BERTINDAK SEPERTI ORANG YANG TELAH MENEMUI KEKALAHAN,+
TAMBAH BELIAU.

KATANYA DALAM TEMPOH YANG LAMA, PLO TELAH DSIFATKAN SEBAGAI SATU KUMPULAN PENGGANAS KERANA BEBERAPA TINDAKAN GANAS YANG DILAKUKAN OLEH BEBERAPA PUKANYA SEPERTI SATU KUMPULAN YANG DIKETUAI OLEH YANG GEORGE HABBASH SEMENTARA ISRAEL TELAH DISIFATKAN SEBAGAI SATU PASUKAN +TERTINDAS+ YANG CUBA MEMPERTAHANKAN KESELAMATANNYA. --
LAGI 22/0M

MAHATHIR-BBB 4 KUALA LUMPUR

+MARILAH KITA MEMBINCANGKAN PEMIKIRAN BARU INI DAN BERDASARKAN KEPADA ANGGAPAN BARU INI, BAGAIMANAKAH KITA KINI DAPAT MELANGKAH KE HADAPAN UNTUK Mencari SATU PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH PALESTIN+,
KATANYA.

MENURUT TAN SRI GHAZALI, SATU LAGI PEKARA YANG MEMERLUKAN PENYELESAIAN IALAH KONVENSYEN UNDANG-UNDANG LAUT BANGSA-BANG BERSATU.

KATANYA SOAL ANTARTIK DAN SUMBER-SUMBER DI DASAR LAUTAN TIDAK PATUT TERHAD KEPADA TUNTUTAN SEMPADAN TETAPI SEPATUTNYA DIGUNAKAN UNTUK FAEDAH MANUSIA DAN DUNIA.

TAN SRI GHAZALI, YANG AKAN MENGETUAI ROMBONGAN MALAYSIA KE PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU YANG AKAN DATANG BERKATA ROMBONGAN ITU TAHUN INI TERMASUK SEORANG TIMBALAN MENTERI DAN TIGA ORANG AHLI PARLIMEN.

MEREKA IALAH ENCIK S. SUBRAMANIAM, TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN SEMENTARA AHLI-AHLI PARLIMEN ITU IALAH ENCIK MARK KODING (GABAH) ENCIK TAJOL ROSLI (PERAK) DAN ENCIK MOHAMAD MUSTAPHA HASSAN (KEDAH).